

# SITC

dalam

## Perjuangan Kemerdekaan


Pencetus Kebangkitan Rakyat

*Ishak Saat  
Ahmad Zainudin Husin*





25/01/04  
Lib  
RM 50.00



# SITC

dalam

## Perjuangan Kemerdekaan

Pencetus Kebangkitan Rakyat



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YATASAN  
KEPERMIMPINAN  
PERDANA



# SITC

dalam  
Perjuangan  
Kemerdekaan

Pencetus Kebangkitan Rakyat

*Ishak Saat*  
*Ahmad Zainudin Husin*  
*Nazirah Lee*  
*Rabaah Abdullah*

PUSTAKA PERDANA



1013624



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
TANJONG MALIM, PERAK  
2024

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)



Cetakan Pertama 2023  
Cetakan Kedua 2024  
© Universiti Pendidikan Sultan Idris 2023

**Hak Cipta Terpelihara.**

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia  
Tel: 05-450 6000, Faks: 05-459 5169  
Laman Sesawang: [www.upsi.edu.my](http://www.upsi.edu.my)  
E-mel: [penerbit@upsi.edu.my](mailto:penerbit@upsi.edu.my)

Atur huruf dan Grafik oleh  
Pejabat Karang Mengarang (Penerbit UPSI)  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia

Dicetak oleh  
Nur Niaga Sdn. Bhd.  
No. 55, Jalan 6/2, Taman Industri Selesa Jaya  
43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
Perpustakaan Negara Malaysia  
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia  
ISBN 978-629-7524-26-9

378.595

# KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	xi
<i>Kata Pengantar</i>	xiii
<i>Senarai Foto</i>	ix

---

## BAHAGIAN 1

### Pejuang Kemerdekaan

---

<b>1</b>	<b>O.T Dussek 1886-1965</b> <i>Siti Khadijah Kamar &amp; Ishak Saat</i>	3
<b>2</b>	<b>Abdul Hadi Hassan 1906-1937</b> <i>Nurfatihah Umairah Othman &amp; Adnan Jusoh</i>	23
<b>3</b>	<b>Harun Mohd Amin 1907-1986</b> <i>Nur Khairunnisa Bakri &amp; Nazirah Lee</i>	41
<b>4</b>	<b>Kapted Yazid Ahmad 1908-1942</b> <i>Muhammad Hadi Awang Jamil &amp; Ishak Saat</i>	55
<b>5</b>	<b>Zainal Abidin Ahmad 1895-1973</b> <i>Amir Hakim Khairul Nasuha &amp; Ishak Saat</i>	77
<b>6</b>	<b>Buyong Adil 1907-1976</b> <i>Nor Hasimah A Manaff &amp; Rabaah Abdullah</i>	101
<b>7</b>	<b>Ibrahim Yaakob 1910-1979</b> <i>Sahril Nassir &amp; Ishak Saat</i>	119

8	<b>Abdul Rahman Talib 1916-1968</b> <i>Mohamad Hafizin Abdullah &amp; Rabaah Abdullah</i>	137
9	<b>Senu Abdul Rahman 1919-1995</b> <i>Fatin Ayuni Mohd Suhaini &amp; Ahmad Zainudin Husin</i>	155
10	<b>Syed Nasir Syed Ismail 1921-1982</b> <i>Nur Aliff Najmi Nizar &amp; Nazirah Lee</i>	169
11	<b>Abdul Aziz Tapa 1923-2016</b> <i>Nur Syafira Zulkifli &amp; Wan Noorlizawati Wan Mat Ali</i>	183
12	<b>Abdul Ghafar Baba 1925-2006</b> <i>Nur Milia Shakira Abdul Rahman &amp; Siti Zahrah Mahfood</i>	195
13	<b>Abdul Rashid Ngah 1937</b> <i>Regina Thomas &amp; Adnan Jusoh</i>	215
14	<b>Pengiran Setia Negara Haji Mohd Yusof 1921-2016</b> <i>Awang Asbol bin Haji Mail, Brahim bin Ampuan Haji Tengah &amp; Tassim bin Haji Abu Bakar</i>	227

---

## BAHAGIAN 2

### Pujangga Melayu

---

15	<b>Ahmad Bin Abdullah [Ahmad Bahktiar] 1902-1961</b> <i>Mohamad Fakhruddin Ibrahim &amp; Wan Noorlizawati Wan Mat Ali</i>	247
16	<b>Muhammad Yassin Bin Maamor [Punggok] 1910-1971</b> <i>Nur Ain Sohaimi &amp; Siti Zahrah Mahfood</i>	261
17	<b>Abdullah Sidek [Anggerik] 1913-1973</b> <i>Cik Salmah Ahmad, Ishak Saat &amp; Mohd Kasri Saidon</i>	275

18	<b>Embong Yahaya [Nguma] 1918-1982</b> <i>Nurliana' Atiah Shukri &amp; Adnan Jusoh</i>	289
19	<b>Shahrom Husain [Mashur Yahya] 1919-2008</b> <i>Nur Zainah Hasba &amp; Rabaah Abdullah</i>	305
20	<b>Aminuddin Baki 1926-1965</b> <i>Atikah Natasha Arifin &amp; Shakila Che Dahalan</i>	325
21	<b>Masuri Bin Salikun [Mahsuri SN] 1927-2005</b> <i>Suraya Kamal Ruzaman &amp; Nazirah Lee</i>	343
22	<b>Suhaimi Haji Muhammad 1934-2014</b> <i>Nurul Aidah Danrang &amp; Shakila Che Dahalan</i>	355
23	<b>Kamaruzzaman Abdul Kadir [Dharmawijaya] 1937-2005</b> <i>Lusiana Sukarna &amp; Wan Noorlizawati Wan Mat Ali</i>	371
24	<b>Muhammad@Mokhtar Bin Talib [Matlob] 1937-2013</b> <i>Wan Nur Izzatul Ain Wan Zulkifli &amp; Ahmad Zainudin Husin</i>	391
25	<b>Pehin Haji Mohd Jamil Al-Sufri 1921-2021</b> <i>Awang Asbol bin Haji Mail, Brahim bin Ampuan Haji Tengah &amp; Tassim bin Haji Abu Bakar</i>	411
	<i>Indeks</i>	437



# SENARAI FOTO

Foto 2.1	Buku Sejarah Alam Melayu Penggal III	35
Foto 3.1	Harun Aminurrashid bersama isterinya, Siti Radziah dan anak-anak mereka di Brunei.	44
Foto 4.1	Novel “NYAWA DI-HUJONG PEDANG” oleh Ahmad Murad	60
Foto 4.2	Anggota SITC-FMSVF pada tahun 1920	69
Foto 4.3	Singapore Memorial	74
Foto 6.1	Buku sejarah Alam Melayu	110
Foto 8.1	Abdul Rahman Talib sewaktu menjadi Menteri Kesihatan tahun 1962	138
Foto 8.2	Kepala yang telah dipenggal pembunuhan beramai-ramai orang Cina oleh tentera Jepun	147
Foto 8.3	Sekolah Menengah Kebangsaan Abdul Rahman Talib, Teluk Intan, Perak	151
Foto 11.1	Sebahagian Para Peserta di Sidang Kongres Kebudayaan Melayu Pertama	190
Foto 13.1	Dewan Sastera. Bil. 11, 2020	222
Foto 13.2	Dato’ Haji Abdul Rashid Ngah (berkopian) turut hadir meraikan Rumah Terbuka Aidilfitri Bersama Menteri Besar, Dato’ Seri Haji Ahmad Razif Abd Rahman di Dataran Permata Seberang Takir semalam 1 Julai 2017 (7 Syawal), walaupun kelihatan bertongkat.	224
Foto 15.1	Daftar peringatan bersyarah di SITC	256
Foto 16.1	Sajak Di Tanah Segara oleh Punggok	267
Foto 21.1	Mahsuri S.N ketika menuntut di SITC tahun 1949 (Tiga dari kira)	345
Foto 24.1	Muhammad @ Mokhtar bin Talib	395



# PRAKATA

Projek buku, *Sultan Idris Training College (SITC): Pencetus Kebangkitan Rakyat*, ini mengandungi dua bahagian iaitu Pejuang Kemerdekaan dan Pujangga Melayu. Bahagian Pejuang Kemerdekaan memaparkan 13 tokoh manakala Bahagian Pujangga Melayu menyetengahkan 11 tokoh. Mereka yang diketengahkan ini merupakan keluarga kelahiran SITC yang pernah menggegarkan negara dalam bidang masing-masing. Bermula dari tahun 1922 hingga 2022, genaplah perjalanan sejarah institusi ini mencapai usia seabad. 100 tahun merupakan satu abad yang penuh dengan pengisahan sejarah yang cukup panjang. Dalam mengharungi liku-liku perjalanan sejarah ini pelbagai kisah suka dan duka pasti ditempuhi. *Sultan Idris Training College (SITC)* turut terkesan dan melakar pelbagai kisah sejarah negara. Tempuh ini memantapkan perjalanan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Sejarah panjang SITC ini memperlihatkan kepimpinan yang silih bergantian dan berjaya mendidik serta melahirkan barisan guru pelatih yang akhirnya menjadi pendidik yang menabur bakti di seluruh tanah air. Dalam perkembangan ini dilihat SITC sehingga UPSI telah berjaya mendidik bukan sekadar melahirkan guru-guru tetapi turut membentuk pejuang-pejuang kemerdekaan, pejuang bahasa dan sastera serta tokoh-tokoh guru negara malah sehingga melahirkan barisan kepimpinan negara.

Menyingskap dekad-dekad di awal penubuhannya, maka nama-nama ahli keluarga kelahiran SITC seperti O.T Dussek, Harun Aminurrashid, Abdul Hadi Hassan, Buyong Adil, Zainal Abidin Ahmad (ZABA), Abdul Ghafar Baba, Kamarudin Abdul Kadir (Dharmawijaya), Mahsuri Salikun (Mahsuri SN), Suhaimi Haji Muhammad, Ibrahim Yaakub (IBHY) tidak dapat dilupakan. Nama-nama mereka terbilang dalam lipatan sejarah Malaysia. Jasa,

sumbangan dan pengorbanan mereka perlu diketahui oleh semua rakyat Malaysia agar ia sentiasa diketahui, diingati, dipelajari agar generasi terkemudian tidak buta akan sejarah perjuangan negara. Lebih-lebih lagi dalam era perjuangan kemerdekaan kerana atas usaha mereka ini akhirnya tanggal keramat 31 Ogos 1957 dapat dikecapi dan dinikmati oleh kita generasi merdeka.

Buku ini sesuai untuk tatapan dan bacaan semua pihak terutamanya pemimpin negara, ahli politik, pengkaji sejarah dan peminat sejarah, pendidik, pelajar-pelajar institut pengajian tinggi agar mereka ini lebih memahami sejarah perjuangan yang dilakarkan oleh generasi terdahulu. Yang lebih penting generasi baru tidak buta terhadap sejarah perjuangan kemerdekaan Malaysia. Semoga usaha ini bermanfaat untuk semua dan dapat memperbanyakkan lagi khazanah sejarah negara.

Pihak penulis amat berhutang budi kepada penyumbang dana penyelidikan di bawah tajuk projek buku *Tokoh-Tokoh Pejuang Kemerdekaan Dari Perak*. Dana yang diperuntukkan oleh Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Perak (PSMCPk) yang didaftarkan di bawah selenggaraan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Kod: 2020-0035-106-15 sebagai geran luar universiti.

Sekian.

### **Editor**

Jabatan Sejarah

Fakulti Sains Kemanusiaan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

# KATA PENGANTAR

*Sultan Idris Training College (SITC)* terletak di Tanjung Malim, Perak dibina atas lontaran idea oleh Sir Richard Olaf Winstedt ketika menjawat jawatan sebagai Timbalan Pengarah Sekolah-sekolah Melayu era kolonial British di Tanah Melayu. Pembukaan SITC dirasmikan oleh Sir George Maxwell iaitu Ketua Setiausaha Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada 29 November 1922. Sir George Maxwell berazam dengan penubuhan SITC dapat membentuk pemuda-pemuda Melayu yang berkelayakan lulus darjah V Sekolah Melayu untuk menjadi guru-guru Melayu bagi menampung keperluan guru yang semakin mendesak. Kewujudan SITC memberi peluang kepada anak-anak muda Melayu menjadi guru. Malah ia juga berpotensi untuk membuka minda anak-anak muda Melayu untuk turut serta dalam perkembangan kemajuan negara.

Melihat akan kemunduran bangsa Melayu ketika itu dan sering keciciran dalam pelbagai aspek kehidupan terutama pelajaran, ekonomi, moral, adat resam dalam tradisi yang membantutkan kemajuan, pengaruh hiburan, dan sikap semberono. Maka dengan kewujudan SITC dapat membantu memangkinkan peranan guru-guru Melayu untuk turut serta membantu pihak British agar usaha untuk mengeluarkan bangsa Melayu dari kepompong kemunduran ini dapat dilakukan. Ternyata kemunculan SITC bukan sahaja dapat menampung keperluan tenaga guru tetapi turut mencetuskan suatu semangat yang luar biasa dalam kalangan guru pelatih SITC untuk lebih gigih menggalas tanggungjawab sebagai seorang pendidik demi mendidik dan memajukan anak bangsa bagi masa hadapan bangsa Tanah Melayu. Oleh hal yang demikian ini, nyatalah bahawa SITC merupakan sebuah gerbang permulaan yang terbuka kepada golongan individu yang sememangnya berjiwa keguruan untuk mengasah bakat mereka dan seterusnya bergiat aktif dalam kegiatan kemasyarakatan.




Guru-guru lepasan SITC amatlah dihormati dan dipandang tinggi oleh masyarakat kerana dianggap merupakan golongan pendidik yang banyak berjasa dalam membimbing dan menyampaikan ilmu demi kemajuan anak bangsa. Tambahan pula, SITC telah pun berjaya membentuk beberapa individu yang personalitinya terbilang seperti Ibrahim Yaakub, Harun Aminurrashid, Zainal Abidin Ahmad (Za' ba), Ahmad Bakhtiar, dan ramai lagi. Oleh sebab itu, SITC dikenali sebagai sebuah Universiti Melayu. Lantaran itulah SITC dianggap sebagai tempat yang memulakan cetusan semangat kebangsaan Melayu dalam sejarah kebangkitan bangsa Melayu. Jolokan nama Universiti Melayu ini menjadi kenyataan 75 tahun kemudiannya. Dalam sambutan Jubli Intan SITC dijulang sebagai sebuah universiti pendidikan negara. Tanggal 1 Mei 1997, SITC / MPSI / IPSI ini dinaikkan taraf sebagai sebuah universiti bernama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Tetap berdiri megah di tapak asalnya di bumi Muallim. Jejak-jejak bertapak ini terus melakar sejarah pendidikan negara dari masa ke semasa.

Dalam mengharungi sejarah panjang 100 tahun, SITC yang melalui pelbagai transformasi dan anjakan paradigma pemodenan. Bermula dengan *Sultan Idris Training College (SITC)*, kemudian menjadi Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), seterusnya dinaikkan taraf menjadi Institusi Pendidikan Sultan Idris (IPSI) dan kini menyelusuri sejarah tertinggi perguruan negara dengan nama barunya Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Usia 100 tahun ini mematangkan perjalanan sebuah institusi pendidikan negara. Justeru itulah tidak dapat dinafikan bahasa Universiti Pendidikan Sultan Idris adalah institusi pengajian tinggi tertua di Malaysia.

Usaha Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris untuk mendokumentasikan cebisan sejarah ini amat dialu-alukan. Malah usaha ini perlu dicontohi oleh semua pihak bagi memaparkan sejarah yang tersirat yang masih banyak lagi belum diterokai. Sebagai pewaris institusi pendidikan ini perlu sama-sama berganding bahu untuk terus mengalas inspirasi negara dalam memartabatkan bidang perguruan agar terus disanjung dan dihormati sepanjang masa. Dalam masa yang sama harus menerima perubahan sesuai dengan peredaran zaman dalam mengharungi alaf baru abad 21.

Sekian.

**Profesor Dato Dr. Md. Amin Md. Taff**  
Naib Canselor  
Universiti Pendidikan Sultan Idris



# BAHAGIAN 1

Pejuang  
Kemerdekaan



# 1

## O.T. DUSSEK 1886 - 1965

Siti Khadijah Kamar<sup>1</sup>  
Ishak Saat<sup>2</sup>



*Sumber:* Muzium Pendidikan Nasional, UPSI

---

### NOTA KAKI:

- <sup>1</sup> Siti Khadijah Kamar [D20191088264] merupakan seorang pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Sejarah (ISMP), Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- <sup>2</sup> Ishak Saat (PhD) merupakan Profesor di Jabatan Sejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Beliau boleh dihubungi melalui emel: [ishakhj@fsk.upsi.edu.my](mailto:ishakhj@fsk.upsi.edu.my)

## PENDAHULUAN

Kepimpinan *Sultan Idris Training College (SITC)* turut terlibat dalam membangkitkan kesedaran bangsa dalam kalangan para penuntutnya. Bila membicarakan persoalan kebangkitan guru pelatih maka mahu tidak mahu nama O.T. Dussek tidak boleh dilupakan. Beliau bersikap profesional dalam memimpin dan bila membicarakan persoalan nasib dan bangsa Melayu yang perlu dibela. Beliau melihat bangsa Melayu perlu diberikan kefahaman dan ditiupkan semangat kesedaran agar bangkit memperjuangkan hak pusaka bangsa yang sudah sekian lama tertindas.

## LATAR BELAKANG

Oman Theodore Dussek atau O.T. Dussek merupakan Pengetua pertama di *Sultan Idris Training College (SITC)*. Beliau dilahirkan di Greenwich, England pada 16 November 1886 dan berketurunan kacukan Inggeris dan Jerman. (Abdul Majid Zainuddin.1978) Beliau merupakan anak kepada seorang pengimport balak dan dibesarkan di Surrey, England. Dari segi latar belakang pendidikan pula, beliau merupakan graduan ijazah Sarjana Muda dari *Eastborne College, London University* pada tahun 1910. Sebenarnya, beliau telah lama berkecimpung dalam dunia pendidikan sebelum menjadi Pengetua SITC. Dussek pernah berkhidmat sebagai guru di *Uttixerter Allyne's Grammar School*, England dari tahun 1909 hingga 1911 sebelum menjejakkan kaki di Tanah Melayu. (Ishak Saat, Adnan Jusoh & Nabir Abdullah.2014) Setelah datang ke Tanah Melayu, beliau ditugaskan dalam perkhidmatan pendidikan di *Straits Settlement* dan *Federated Malay States* sebagai Guru Penolong Kanan di Sekolah Tinggi Melaka pada 12 Januari 1912 sebelum dilantik menjadi Nazir Sekolah-Sekolah Melaka. Kemudian, beliau pernah berkhidmat sebagai Pengetua ketiga *Malacca Training College (MTC)* selama lapan tahun iaitu dari tahun 1915 hingga 1922. O. T Dussek mula bertugas di MTC pada 30 Mac 1915 sehingga MTC akhirnya ditutup. Di MTC, beliau sudah mula menunjukkan keprihatinan dan simpati terhadap tahap pendidikan di Tanah Melayu. (Surat daripada O.T. Dussek kepada Dr. William R. Roff, 17.3.1960) Yang lebih mengejutkan beliau adalah sebahagian besar daripada pelatih MTC tidak pandai menulis dan membaca. Manakala buku yang digunakan sebagai bahan bacaan ketika itu

hanya *Hikayat Abdullah* dan *Sejarah Melayu*. Hal ini menyebabkan O.T. Dussek terdorong untuk memperbaiki kualiti pendidikan orang Melayu. Beliau mengambil inisiatif untuk memberi galakan kepada guru-guru di sana untuk menulis buku yang boleh dijadikan buku teks terutamanya tentang tatabahasa Melayu. Beliau juga pernah mengajar mata pelajaran Sejarah, Ilmu Alam, Ilmu Bumi dan Ilmu Hisab di MTC. Sebenarnya, O.T. Dussek mula tertarik dengan Bahasa Melayu semasa menyaksikan persembahan opera Melayu di Alor Gajah, Jasin dan Merlimau, Melaka. Perasaan cinta yang mendalam terhadap Bahasa Melayu menyebabkan beliau memutuskan untuk mengambil Peperiksaan Akhir Bahasa Melayu pada tahun 1914. (Ishak Saat, Adnan Jusoh & Nabir Abdullah.2014)

Penutupan MTC disusuli dengan pembukaan SITC pada 29 November 1922 di Tanjung Malim, Perak. Pada ketika itu, Dussek telah dilantik sebagai Pengetua pertama di SITC. Dalam masa yang sama, beliau turut memegang jawatan Penolong Pengarah Pelajaran. Beliau memegang jawatan sebagai Pengetua SITC dari tahun 1922 hingga 1936. Tempoh ini menjadikan O.T. Dussek sebagai Pengetua yang paling lama berkhidmat di SITC. Oleh itu, peranan O.T. Dussek memberi impak yang sangat besar terhadap hala tuju SITC sebagai sebuah institusi yang melatih bakal guru. Tidak seperti pegawai British yang lain, beliau dilihat lebih bersifat pro Melayu. Beliau amat menitikberatkan perkembangan para penuntut di SITC dari pelbagai aspek supaya dapat melahirkan guru-guru yang berkualiti yang dapat mengubah nasib bangsa. O.T. Dussek mengharapkan para lepasan SITC menjadi lebih dari seorang guru, malahan beliau berharap agar mereka berupaya menjadi penyebar kesedaran nasionalisme dalam kalangan orang Melayu. Beliau sangat mendukung orang Melayu untuk bangkit memartabatkan bangsa di tanah air sendiri.

O.T. Dussek terkenal dengan gelaran 'Inggeris berjiwa Melayu' kerana beliau sangat berjasa dalam memajukan pendidikan orang Melayu sekali gus menanam semangat kesedaran nasionalisme kepada para penuntut SITC supaya bangkit membela bangsa. Terdapat banyak sumbangan yang beliau lakukan sepanjang berkhidmat di Tanah Melayu dalam usaha memajukan orang Melayu. Jadi, tidak hairanlah jika beliau amat disenangi oleh para pensyarah dan pelajar di SITC. Dalam masa yang sama, beliau turut mendepani cabaran untuk mencapai matlamat beliau sehingga akhirnya beliau dikenakan tindakan tatatertib dan ditamatkan perkhidmatan di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, matlamat beliau tetap diteruskan oleh para

penuntut di SITC berbekalkan semangat dan tunjuk ajar yang beliau tinggalkan. Beliau meninggal dunia pada tahun 1965 di kediamannya yang terakhir di Goodwins, Copthorne, Sussex, England. (Abdul Majid Zainuddin. 1978) Jasa beliau kekal dikenang kerana selama bertugas sebagai Pengetua di SITC, beliau telah mewarnai bidang pendidikan vernakular Melayu di Tanah Melayu dengan membawa perubahan besar.

## **MATLAMAT PERJUANGAN**

O. T Dussek selaku Pengetua SITC meletakkan matlamat yang tinggi untuk memberi kesedaran kepada orang Melayu terhadap kesedaran nasionalisme. Dalam hal ini, beliau sangat menitikberatkan peranan SITC sebagai sebuah institusi pendidikan yang menjadi platform untuk membuka minda masyarakat tempatan tentang kepentingan memartabatkan maruah tanah air. Harapan tinggi O.T Dussek terhadap SITC mula berkobar sejak awal penubuhannya lagi. Beliau turut menanam hasrat setinggi gunung untuk memajukan anak Melayu agar setanding dengan bangsa Inggeris. Walaupun beliau berbangsa Inggeris, tetapi pendapat beliau tidak sama dengan pegawai British yang lain. O.T Dussek berpegang kepada prinsip yang kukuh dan ikhlas untuk bersama-sama anak Bangsa Melayu dalam perkembangan serta kemajuan pendidikan vernakular Melayu. Di Tanah Melayu, matlamat utama beliau adalah untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kerajaan. Dalam jangka masa pendek, beliau bercita-cita agar kerajaan tempatan di peringkat daerah dilaksanakan dalam Bahasa Melayu untuk memastikan orang Melayu tidak diketepikan. (Abdullah Sanusi Ahmad. 1966)

Beliau juga mempunyai matlamat untuk menjadikan SITC sebagai tempat yang bukan sahaja melatih guru-guru untuk menjalankan tugas keguruan, malah beliau berhasrat untuk menjadikan guru-guru yang dilatih di SITC sebagai golongan yang memainkan peranan penting dalam menyebarkan semangat nasionalisme dan memimpin golongan Melayu di luar bandar ke arah membangun jati diri bangsa Melayu. Oleh hal demikian, beliau secara konsisten memberikan kata-kata pembakar semangat kepada para pensyarah serta penuntut di SITC agar bangkit membela bangsa sendiri. Beliau menjalankan tugas dengan penuh keikhlasan sepanjang perkhidmatan di Tanah Melayu terutamanya di SITC. O.T. Dussek amat berharap benih-benih

kesedaran nasionalisme yang ditanam di SITC dapat tersebar ke serata Tanah Melayu melalui pendidikan. Oleh hal demikian, beliau amat menitikberatkan aspek pendidikan di Tanah Melayu kerana beliau percaya bahawa pendidikan dapat mengubah nasib bangsa.

Selain itu, dalam usaha membentuk jati diri yang unggul dalam diri para penuntut di SITC, O.T Dussek amat mementingkan aspek disiplin dalam kalangan penuntut SITC termasuk dari segi kebersihan. Sebagai contoh, O.T Dussek menggalakkan semua penuntut SITC untuk memakai kasut atau alas kaki ke maktab kerana amalan ini dapat menjamin kebersihan, sekali gus menunjukkan mereka lebih berpendidikan berbanding orang kampung yang kebanyakannya masih berkaki ayam pada ketika itu. (Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan. 2018) Aspek disiplin yang diterapkan sangat penting dalam membina jati diri individu. Beliau amat berharap agar para lepasan SITC yang diterapkan dengan asas disiplin yang kukuh dapat menjadi seseorang yang berjasa terhadap bangsa dan negara ke arah kesedaran nasionalisme. Hal yang demikian ini memperlihatkan potensi SITC untuk melahirkan para nasionalis di Tanah Melayu.

Akhir sekali, O.T. Dussek turut meletakkan matlamat yang tinggi agar SITC dapat berkembang menjadi sebuah Universiti Melayu. O.T. Dussek memberikan istilah Ibu Kandung yang merujuk SITC. Hal yang demikian ini kerana beliau menyifatkan SITC sebagai sebuah universiti dalam kandungan yang menunggu masa untuk dilahirkan apabila cukup sifatnya. Ini membuktikan bahawa O.T. Dussek mempunyai pemikiran yang jauh ke hadapan dalam memajukan pendidikan untuk orang Melayu. Matlamat beliau ini tercapai pada tahun 1997 apabila Universiti Pendidikan Sultan Idris direalisasikan. Beliau juga adalah orang pertama yang memperkenalkan perkataan 'Anak Kandung' yang merujuk kepada guru-guru dan pelajar-pelajar di SITC. Gelaran tersebut kekal disebut-sebut sehingga kini. Kesungguhan O.T. Dussek dalam mencapai matlamat ini diiringi dengan pelbagai langkah yang pragmatik oleh beliau.

## MEMIMPIN SITC

O. T. Dussek menggalas tanggungjawab sebagai Pengetua di SITC dari tahun 1922 hingga 1936 dan turut dilantik sebagai Penolong Pengarah Pelajaran Melayu. Dengan jawatan ini beliau tidak pernah jemu untuk meniupkan semangat kesedaran kepada para penuntut

SITC melalui tiga rangkaian taat setia iaitu agamamu, bahasamu dan bangsamu. Usaha yang dilakukan beliau menjadi titik permulaan kepada kebangkitan semangat nasionalisme dan pembentukan jati diri orang Melayu. Tanpa kehadiran beliau, kemungkinan pendidikan di Tanah Melayu pada ketika itu kekal pada takuk yang lama sesuai dengan hasrat penjajah yang memberikan pendidikan kepada masyarakat tempatan hanya untuk menjadikan rakyat tempatan sebagai tenaga kerja bawahan. Pada persepsi penjajah, pendidikan yang diberikan di Tanah Melayu tidak sepatutnya sampai ke tahap memberikan kesedaran nasionalisme kepada penduduk tempatan kerana hal tersebut akan menggugat kedudukan penjajah. Berbeza dengan pendapat O.T Dussek, beliau mempunyai matlamat untuk memajukan masyarakat tempatan melalui pendidikan, sehingga nama beliau tercatat sebagai salah seorang yang berperanan utama dalam kebangkitan nasionalisme di Tanah Melayu.

Dalam usaha memberi kesedaran nasionalisme melalui penulisan, beliau adalah individu yang berperanan membawa Pejabat Terjemah dari Kuala Lumpur ke Tanjung Malim sekali gus digabungkan dengan Pejabat Karang Mengarang. (Mohd Zuber Zain. 2015) Perpindahan Badan Terjemahan Bahasa Melayu ke SITC menandakan satu titik tolak dalam perkembangan bahasa dan budaya Melayu dalam kalangan pelajar SITC. Hal yang demikian ini kerana melalui badan inilah karya sastera dalam bentuk terjemahan disediakan kepada mereka. (William R. Roff.1967) Dalam usaha beliau untuk memberi kesedaran kepada penuntut SITC, beliau juga pernah mengarahkan pihak Khutub Khanah Tuan Dussek (perpustakaan SITC) membuat langganan akhbar-akhbar *Soeloeh Ra'jat Indonesia*, *Semangat Timeor* dan *Bintang Hindia* untuk menjadi bahan bacaan kepada penuntut SITC bagi membuka minda para penuntut. (Abdullah Hussain. 1982)

Dengan jawatannya yang tinggi dalam bidang pendidikan di Tanah Melayu, beliau berusaha keras untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar dalam pendidikan pada ketika itu. Mobiliti pendidikan terjejas kerana keengganan British untuk menubuhkan sekolah menengah Melayu serta keengganan untuk menggunakan Bahasa Melayu di jabatan kerajaan. Ketika beliau dilantik menjadi Penolong Pengarah Pelajaran, beliau pernah mencadangkan penubuhan sekolah menengah Melayu di beberapa bandar. Dalam usaha untuk meningkatkan nilai instrumental pendidikan menengah Melayu supaya ia boleh membawa kepada peluang pekerjaan yang setanding dengan yang tersedia untuk berpendidikan

Inggeris, beliau mencadangkan peningkatan penggunaan bahasa Melayu di jabatan kerajaan. (Philip Loh. 1975) Walaupun cadangan tersebut ditolak kerana tidak disukai British, namun usaha beliau untuk mengemukakan usul tersebut wajar dihargai sebagai salah satu usaha yang menunjukkan beliau bersungguh-sungguh ingin membantu masyarakat Melayu.

O.T. Dussek menjalankan dasar monolingual iaitu pengajaran bahasa Inggeris diketepikan dari sekolah Melayu dan SITC. Beliau berbuat demikian kerana beliau melihat tiada kaitan yang praktikal untuk orang Melayu dikaitkan dengan bahasa Inggeris. (Philip Loh. 1975) Hal yang demikian ini menyerlahkan jiwa Melayu yang ada dalam diri beliau sehingga beliau mendapat julukan “lebih Melayu daripada Melayu”. Oleh hal yang demikian, membuktikan beliau berusaha mengangkat martabat bangsa Melayu dan bahasa Melayu. Walaupun pada ketika itu masih ramai orang Melayu yang masih belum sedar akan kepentingan untuk memperjuangkan bangsa di tanah air sendiri, tetapi O.T. Dussek yang bukan berketurunan Melayu memulakan langkah terlebih dahulu untuk mengangkat martabat bahasa Melayu di Tanah Melayu. Di samping itu, beliau juga merupakan individu yang berperanan penting dalam menanamkan rasa saling menghormati dalam kalangan penuntut SITC dengan membudayakan gelaran “Encik” kepada setiap penuntut di SITC yang dahulunya turut dilakukan di MTC.

Di samping itu, O.T. Dussek berperanan untuk memberikan kata-kata pembakar semangat dalam ucapan beliau untuk mendorong para pensyarah dan penuntut di SITC bangkit memperjuangkan bangsa. Buktinya, beliau tidak ragu-ragu untuk melaungkan kalimat “Bangkitlah Melayu! Bangkitlah Melayu” diakhir kebanyakan ucapan beliau. Tidak dapat dinafikan bahawa kalimat-kalimat pembakar semangat seperti ini telah menjentik hati para guru Melayu seperti Abdul Hadi Haji Hassan, Ahmad Bakhtiar, Buyong Adil dan Harun Aminurrashid terhadap semangat cinta akan tanah air, begitu juga dengan para penuntut SITC pada ketika itu. Jadi, tidak hairanlah jika O.T. Dussek dikatakan sebagai penggerak jati diri orang Melayu kerana melihat kepada usaha beliau yang berterusan ini menimbulkan bibit-bibit anti penjajah. Ucapan-ucapan beliau yang berbaur kesedaran nasionalisme menjadi nadi kepada cendekiawan nasionalis tempatan untuk terus berkarya bagi menyebarkan semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat tempatan. Kata-kata dari beliau mendapat respons yang amat memberangsangkan dari warga SITC ketika itu. (Zakaria Kasa & Ishak Saat. 2013)

Peranan sebagai Penolong Pengarah Pelajaran Melayu yang prihatin membolehkan mengambil berat terhadap pendidikan di Tanah Melayu, buktinya beliau sendiri sanggup turun padang untuk membuat lawatan ke sekolah-sekolah Melayu yang bertujuan untuk melihat sendiri keadaan dan situasi sekolah pada ketika itu. Sebagai contoh, beliau pernah membuat lawatan ke beberapa buah sekolah sekitar negeri Perlis pada September 1934. Pada lawatan tersebut beliau mendapati bahawa kebanyakan bilik darjah di sana berlantaikan tanah. Tanpa berleengah, beliau menggesa pihak Pejabat Pengarah Pelajaran Tanah Melayu untuk memperbaiki lantai bilik darjah kerana beliau berpendapat bahawa keadaan tersebut akan mengganggu proses pembelajaran terutamanya apabila musim panas dan kering yang akan menyebabkan habuk manakala pada musim hujan pula akan menyebabkan becak serta mengganggu kesihatan pelajar. (A.P No. 540-1352, Report: Education in Perlis. 1934)

## SUMBANGAN O.T. DUSSEK

Sepanjang tempoh perkhidmatan O.T. Dussek di Tanah Melayu, pelbagai langkah yang beliau usahakan untuk membantu memajukan orang Melayu terutamanya dari aspek pendidikan. Dasar Melayu Dussek di SITC boleh dikatakan sebagai sumbangan yang paling penting kepada pertumbuhan nasionalisme Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. (Philip Loh. 1975) O.T. Dussek memanfaatkan institusi pendidikan seperti SITC untuk menerapkan kesedaran nasionalisme. Beliau tidak mahu orang Melayu kekal dengan mentaliti yang hanya tunduk di bawah arahan dan pemerintahan penjajah. Terdapat banyak sumbangan O.T. Dussek yang membawa kepada kesedaran nasionalisme dalam kalangan warga SITC.

## Menanam Semangat Nasionalisme

O.T. Dussek selaku Pengetua SITC terlibat secara langsung dalam usaha meniup semangat nasionalisme kepada para penuntut SITC. Keikhlasan beliau terlihat jelas melalui keterlibatan beliau dalam memberikan kesedaran bangsa, mengambil berat tentang kebajikan, kemajuan serta perjuangan bangsa Melayu. (Ishak Saat. 2019) O.T. Dussek melalui *Majalah Chendera Mata* SITC pada tahun 1923 berkata kepada semua penuntut SITC bahawa “Ketahuilah oleh kamu

semua! Kemajuan bangsa Melayu adalah terletak di tangan kamu sendiri.”(Chenderamata SITC. 1923) Beliau menyeru agar warga SITC memulakan langkah untuk menyebarkan kesedaran nasionalisme ini agar nasib bangsa Melayu terbela di tanah air sendiri. Sebelum ini, rakyat tempatan lebih memilih untuk mendiamkan diri ketika penjajah bermaharaja lela di Tanah Melayu. Jika mentaliti tersebut diteruskan, orang Melayu akan kekal dalam kemunduran di bawah pemerintahan penjajah. Oleh itu, O.T. Dussek mula menanamkan kesedaran nasionalisme di SITC kerana beliau ingin melihat kemajuan bangsa Melayu di Tanah Melayu. Dalam usaha untuk memberi kesedaran kepada penuntut SITC untuk memajukan bangsa Melayu, beliau tidak jemu-jemu memberikan kata-kata pembakar semangat kepada para penuntut SITC. Sebagai contoh Dussek pernah berkata pada suatu majlis konvoquesyen SITC 1935 bahawa:

*“Your language is, I believe, spoken by 70 millions of people. It forms one of the largest language groups in the world. Do not forget that fact. Cultivate your language; strive to rise it to the position it deserves amongst world languages. If the prestige of your language raises, so in equal measure rises the prestige of your race.”*

(The Straits Times, 23 Nov. 1935)

Usaha beliau ini dilihat mendapat reaksi yang positif daripada para penuntut SITC kerana setiap kali O.T Dussek atau tokoh-tokoh lain pada ketika itu membuat syarahan di dewan besar, dewan tersebut akan sesak dibanjiri oleh penuntut SITC yang semakin sedar akan kepentingan memperjuangkan bangsa Melayu di tanah air sendiri. (Abdullah Hussain. 1982) Situasi tersebut selari dengan matlamat O.T. Dussek yang menginginkan anak Melayu bangkit memperjuangkan bangsa sendiri. Ternyata, beliau tidak salah memilih tempat untuk memulakan penyebaran semangat nasionalisme iaitu di SITC kerana SITC merupakan tempat pengumpulan cerdik pandai dalam kalangan orang Melayu bawahan. Jadi, mereka mampu berfikiran kritis dan lebih nasionalisme.

O.T. Dussek tidak putus-putus melontarkan kata-kata semangat yang akhirnya membenihkan bibit-bibit kesedaran kepada orang Melayu di SITC termasuk guru dan pelajar. Memetik kata-kata O.T. Dussek dalam majalah *Chendera Mata* keluaran 1923, “*Know it, all of you! The progress of Malay rise is in your hand*”, menunjukkan usaha beliau untuk membuka minda orang Melayu untuk berjuang yang

akhirnya para pelajar SITC mula sedar bahawa nasib bangsa Melayu terletak di tangan orang Melayu sendiri. Selain dari penulisan, beliau juga sering menyampaikan ucapan berbentuk pembakar semangat seperti persoalan “Dimanakah pemimpin-pemimpin Melayu?” dan “Dimanakah ketua-ketua kampung yang sanggup menolong bangsa sendiri seperti yang terdapat di tempat lain di dunia ini?” Kata-kata pembakar semangat ini mendapat reaksi yang positif dalam kalangan penuntut SITC untuk memperjuangkan bangsa di tanah air sendiri. Buktinya, guru-guru seperti Abdul Hadi Haji Hassan, Ahmad Bakhtiar, Buyung Adil dan Harun Aminurrashid sangat terkesan dengan kata-kata O.T. Dussek sehingga membangkitkan perasaan antipenjajah dalam diri mereka.

Di SITC, Dussek mengambil inisiatif untuk memperkenalkan Majlis Syarahan di mana Harun Aminurrashid dan guru-guru nasionalis yang lain diberi peluang untuk menyebarkan kesedaran dan fahaman kebangsaan Melayu. Tindakan beliau untuk menyemai benih kesedaran nasionalisme di SITC merupakan langkah yang tepat kerana SITC merupakan tempat pengumpulan cerdik pandai dalam kalangan orang Melayu luar bandar. Hal ini bermaksud para pelajar di SITC lebih berpotensi untuk berfikir secara kritis berbanding orang Melayu yang lain. Oleh itu, kesedaran nasionalisme lebih mudah untuk disampaikan dan difahami kepada golongan ini. Di SITC, O.T. Dussek pernah menjadi guru Sejarah. (Ishak Saat. 2019) Pelajaran sejarah di SITC berjaya menyumbang kepada kebangkitan nasionalisme sekali gus menjadi pemangkin perjuangan orang Melayu. Usaha O.T. Dussek bersama-sama guru Sejarah yang lain di SITC seperti Abdul Hadi Haji Hassan dan Harun Aminurrashid membuah hasil apabila mereka berjaya membangkitkan semangat kesedaran nasionalisme dalam kalangan penuntut di SITC.

Usaha dan perjuangan beliau dalam memartabatkan pendidikan orang Melayu serta memberikan kesedaran nasionalisme kepada penuntut di SITC menyebabkan beliau diakui sebagai seorang Inggeris yang berjiwa Melayu. (Shahrom Husain. 1996) Kita perlu faham bahawa untuk memberi kesedaran dan mengubah mentaliti masyarakat bukan sesuatu yang mudah. Tanpa tekad dan cinta yang mendalam terhadap Melayu, usaha beliau untuk menanamkan kesedaran nasionalisme mungkin dilihat sebagai sesuatu yang mustahil kerana beliau bukan dari bangsa Melayu. Ucapan-ucapan beliau yang menjurus kepada kesedaran nasionalisme merupakan salah satu sumbangan yang signifikan dalam usaha beliau membantu

orang Melayu. Jika kesedaran ini tidak dimulakan, orang Melayu akan terus terbuai dalam arus kemunduran selari dengan matlamat penjajah. Semangat tersebut perlu disemai dalam diri setiap individu agar martabat bangsa sendiri tidak mudah dipijak oleh orang asing. Orang Melayu yang sepatutnya memperjuangkan bangsa sendiri kerana maruah sesebuah bangsa terletak kepada bangsa itu sendiri.

## Menggalakkan Penulisan Buku

O.T Dussek selaku Pengetua SITC sangat menggalakkan guru-guru di sana menulis buku terutamanya tentang tatabahasa Melayu. Hal yang demikian ini kerana beliau berpendapat bahawa kekuatan guru-guru di sekolah Melayu terletak pada pengajaran bahasa Melayu yang betul dan penuh disiplin. Sebagai contoh, beliau memberi galakan kepada Cikgu Mohd Hashim bin Haji Talib bagi menghasilkan buku *Kitab Pelita Pengarang*. Penghasilan buku ini memberi impak yang besar dalam bidang pendidikan kerana sebelum wujudnya buku penulisan Za'ba pada tahun 1940-an, *Kitab Pelita Pengarang* berjaya menjadi panduan kepada guru-guru untuk mengajar bahasa Melayu dengan lebih baik di sekolah-sekolah vernakular Melayu. Selain itu, buku *Kitab Pedoman Guru* yang disusun oleh Cikgu Mohd Hashim bin Haji Talib sebenarnya atas arahan dan dorongan O.T Dussek, sehingga buku ini menjadi sumber rujukan yang utama dan penting untuk mata pelajaran Ilmu Latihan mengajar di SITC. (Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan. 2018)

Walaupun O.T. Dussek berbangsa Inggeris tetapi beliau tidak pernah menyekat pemikiran dan penulisan guru-guru serta para pelajar SITC yang bertujuan mengubah hidup orang Melayu. (Kamaruddin Said. 2007) Malahan beliau memberikan sokongan yang penuh kepada penulis-penulis tempatan seperti Za'ba untuk menyebarkan ideologi nasionalisme. Beliau juga memberi kebenaran kepada Harun Aminurrashid untuk menjadi penulis khas di *Akhbar Warta Malaya*. Hal yang demikian ini menunjukkan bahawa O.T. Dussek memberi sokongan yang penuh dalam usaha memajukan bangsa Melayu. Antara individu lain yang aktif dalam bidang penulisan ialah seorang guru kanan SITC iaitu Abdul Hadi Haji Hassan yang mempelopori penulisan sejarah dengan karya beliau *Kitab Sejarah Alam Melayu Penggal I*, *Kitab Sejarah Alam Melayu Penggal II* dan *Kitab Sejarah Alam Melayu Penggal III*. Buku hasil karya beliau dijadikan buku teks

mata pelajaran Tarawikh di sekolah-sekolah Melayu pada ketika itu. Usaha untuk memperbanyakkan buku di Tanah Melayu juga dilengkapi dengan penubuhan Pejabat Karang Mengarang oleh O.T. Dussek dengan kerjasama Za'ba.

## Penubuhan Pejabat Karang Mengarang

Penubuhan Pejabat Karang Mengarang adalah antara sumbangan yang terpenting O.T. Dussek dalam bidang pendidikan di Tanah Melayu. Penubuhan Pejabat Karang Mengarang merupakan langkah utama yang dilakukan oleh O.T. Dussek dalam usaha menggalakkan penerbitan bahan bacaan yang berkualiti di Tanah Melayu. O.T. Dussek menubuhkan Pejabat Karang Mengarang ini pada tahun 1924 bersama Za'ba yang berperanan sebagai penterjemah. Sebelumnya, Za'ba telah mula menterjemah buku-buku bahasa Inggeris di Kuala Lumpur di bawah arahan Sir Alexander Small. (Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan. 2018) Rentetan itu, Za'ba mengemukakan usul penubuhan satu badan menterjemah yang dinamakan sebagai Pejabat Karang Mengarang di SITC memandangkan Tanjung Malim merupakan pusat pelajaran Melayu pada ketika itu. Pejabat Karang Mengarang kemudiannya menjadi satu jabatan di SITC. Ketika Pejabat Karang Mengarang baru beroperasi pada 1924, individu yang terlibat hanya R.O. Winstedt sebagai Pengarah, O.T. Dussek selaku Pengarang dan Za'ba sebagai Ketua Penterjemah sehingga tahun 1930. Pejabat Karang Mengarang mengambil penterjemah pelatih iaitu Yazid bin Ahmad, Abdul Kuddus bin Muhammad dan Ahmad Murad Nasaruddin. Pada tahun 1931, Abdul Rahman Yusop juga turut menyertai Pejabat Karang Mengarang sebagai penterjemah diikuti dengan tokoh-tokoh yang lain seperti Othman Sulaiman, Hashim bin Amir Hamzah, Yup Rawan, Mohd Said bin Haji Hassan, Abdul Aziz bin Din serta Abdullah bin Ali. Dalam masa yang sama, O.T. Dussek turut mengambil peranan menterjemah buku. (Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan. 2018)

Pejabat Karang Mengarang di bawah seliaan O.T. Dussek ini banyak menterjemah dan menerbitkan buku teks *The Malay School Series* serta buku bacaan umum dalam siri *The Malay Home Library Series*. (Holger Wrang. 2007) Progres penghasilan buku oleh Pejabat Karang Mengarang boleh dikatakan agak pantas kerana pada tahun pertama sahaja berjaya mencetak beberapa buah buku untuk kegunaan sekolah seperti *Mithal Huruf Rumi*, *Baja 'Akal*, *Ilmu Tanam-tanaman*,

*Jolong Bacaan* dan beberapa buah buku lagi. (Idris Mohd. Radzi. 2002) Penghasilan buku-buku ini bertambah dari semasa ke semasa sehingga akhirnya mencapai 32 buah buku teks dalam siri *The Malay School Series* dan 34 buah buku *The Malay Home Library Series* berjaya disiapkan sejak Pejabat Karang Mengarang ditubuhkan sehingga tahun 1936, tahun O.T Dussek ditukarkan. Hal yang demikian ini dapat dikatakan sebagai sebuah kejayaan yang besar bagi Pejabat Karang Mengarang dalam usaha memajukan pendidikan bangsa Melayu. Kebanyakan buku yang digunakan di sekolah-sekolah Melayu adalah hasil penerbitan Pejabat Karang Mengarang SITC. Hal yang demikian ini membuktikan bahawa perjuangan O.T. Dussek untuk memperkembangkan pendidikan vernakular Melayu bukan sahaja pada kata-kata tetapi beliau berusaha gigih untuk merealisasikan matlamat tersebut.

Pada mulanya, objektif jangka masa pendek Pejabat Karang Mengarang ini adalah untuk menghasilkan buku untuk kegunaan sekolah dan mengeluarkan buku sebagai bahan bacaan masyarakat Melayu sebanyak mungkin. Pejabat Karang Mengarang ini juga mempunyai objektif jangka masa panjang iaitu untuk menerbitkan jurnal bergambar, mengadakan perpustakaan bergerak yang akan dibawa ke kampung-kampung untuk memberi pendedahan kepada orang Melayu. Kegiatan Pejabat Karang Mengarang ini membuahkan hasil dari semasa ke semasa. Antara buku pertama yang dikeluarkan oleh Pejabat Karang Mengarang dalam tahun 1924 iaitu:

- a. *Mithal Huruf Rumi* (cetakan keempat)
- b. *Baja Akal* (cetakan ketiga)
- c. *Pelampau Akal* (cetakan kedua)
- d. *Penimbau Akal* (cetakan ketiga)
- e. *Ilmu Tanam-Tanaman*, karangan A Kier, cetakan kedua telah diselenggarakan.
- f. *Chanai Bachaan*, sebuah buku bacaan dalam tulisan Jawi untuk kegunaan darjah IV.
- g. *Kitab Kumpulan Nama*, susunan Ibrahim Dato' Muda Linggi.

(Abdullah Sanusi Ahmad. 1966)

Impak penubuhan Pejabat Karang Mengarang ini juga dilihat telah melahirkan ramai penulis tempatan seiring dengan matlamat beliau untuk melahirkan golongan cerdik pandai daripada golongan Melayu

# SITC

dalam

## Perjuangan Kemerdekaan

Pencetus Kebangkitan Rakyat

*Sultan Idris Training College (SITC)* terletak di Tanjong Malim, Perak merupakan gedung ilmu yang amat penting dalam sejarah perjuangan kemerdekaan Malaysia. Ia juga dikenali dengan jolokan Universiti Melayu. Kewujudan SITC bukan sahaja dapat menampung keperluan tenaga guru tetapi turut mencetuskan semangat yang luar biasa dalam kalangan guru pelatih SITC untuk lebih gigih menggalas tanggungjawab sebagai seorang pendidik demi mendidik dan memajukan anak bangsa demi masa depan Tanah Melayu. Lulusan SITC berusaha untuk memberikan kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat tentang peri pentingnya kemerdekaan negara. Mereka berjuang melalui pelbagai jalur antaranya melalui politik dan menggunakan jalur bahasa dan kesusasteraan Melayu. Mereka terkenal sebagai pejuang kemerdekaan yang mencetuskan gelombang kebangkitan rakyat demi sebuah kemerdekaan. Jasa dan pengorbanan pejuang terdahulu mesti dihargai dan difahami generasi masa kini. Lantaran itu, buku ini mesti dimiliki dan dibaca oleh mereka yang meminati tentang sejarah perjuangan kemerdekaan Malaysia.



قائمیت اور تیز رفتاری قندیدین سلطان ادریس  
PENERBIT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



ISBN 978-629-7524-26-9



9 786297 524269 >

Harga: RM 50.00



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA